10.0 PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN						
10.1 Penyediaan RPH Hutan Paya Laut						
10.2 Pemantauan Udara				60 jam	43,250.00	43.25
10.3 Pengangkutan Untuk Membawa Barang Kes (Jentera)				8 penghantaran	39,250.00	39.25
JUMLAH					82,500.00	



Program dan Aktiviti	P07			KWPH		
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (&)
11.0 IT DAN K PERHUTANAN						
11.1 Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan				1 laman web	23,523.00	98.13
11.2 Peningkatan Sistem GIS				1 plotter, 2 komputer	61,028.00	100
JUMLAH					84,551.00	
12.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA						
12.1 Elaun Perjalanan Kakitangan				50 orang	309,692.05	61.94
12.2 Elaun dan Gaji Kakitangan Kontrak				45 orang	739,564.31	92.45
12.3 Kursus dan Latihan Kakitangan				12 kursus	92,211.28	63.46
JUMLAH					1,141,467.64	
JUMLAH BESAR	6,428,848.86			6,645,774.14		
PERATUS PERBELANJAAN (%)	85.72			83.85		



PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG

Jabatan Perhutanan Negeri Perak



PERLEMBAGAAN DASAR & UNDANG-UNDANG

- Peruntukan Perlembagaan

Di bawah artikel 74(2) Perlembagaan Malaysia, Perhutanan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa menjalankan undang-undang di sektor perhutanan dan menggubal dasar perhutanan mereka sendiri. Pihak Berkuasa Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyalaran dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah Perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

- Dasar Perhutanan Negara

Dasar Perhutanan Negara (DPN) telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977 dan kemudiannya disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 April 1978. Seterusnya dasar ini telah diterimakan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Penggubalan dasar tersebut adalah menjurus kepada pendekatan yang menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perhutanan dalam mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan. Pada tahun 1992, Dasar Perhutanan Negara telah dikaji semula selaras dengan kesedaran masyarakat keseluruhannya tentang kepentingan hutan dari segi sosio-ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Dengan itu, Majlis Tanah Negara telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) pada 10 November 1992. Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerima dasar tersebut yang menjurus ke arah pendekatan mengurus sumber hutan secara berkekalan untuk pembangunan sosio-ekonomi, pemuliharaan hutan dan menjaga kepentingan alam sekitar.



- Majlis Perhutanan Negara

Bagi menyelaraskan hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan hutan, penubuhan MPN tidak berdasarkan kepada mana-mana peruntukan dalam perlembagaan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

- Undang-Undang

- I. Akta Perhutanan Negara 1984

Akta ini digubal bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif yang telah digariskan dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Ia adalah seragam di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Enakmen-Enakmen Hutan yang telah digubal sebelum ini.

- II. Kaedah-Kaedah Hutan 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (APN) di mana ia berpandukan Seksyen 111 APN 1984 (Pindaan 1993). Kaedah ini telah diwartakan pada 17 Disember 1987 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1988.

III. Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1984

Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 25 Mac 1986 sebagai Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986 dan telah diwartakan pada 26 Mei 1986.


IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Industri Berasaskan Kayu 1984 dan berkuatkuasa pada 1 September 1987.

V. Undang-undang Lain Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan Bagi MC&I (Hutan Asli) 2013

- Akta Perhutanan Negara 1984
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Dasar Perhutanan Negara 1978;
- Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, 1998;
- Kaedah-Kaedah Hutan;
- Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1990;
- Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010;
- Rancangan Pengurusan Hutan;
- Semakan Rancangan Pengurusan Hutan;
- Manual Perhutanan (Jilid I);
- Manual Perhutanan (Jilid II);
- Manual Perhutanan (Jilid III);
- Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih;
- Panduan Penentuan Catuan Tebangan Tahunan;
- Inventori Hutan Nasional Ke-4;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010;
- Spesifikasi Jalan Hutan;
- Guidelines for Reduced Impact Logging;
- Garis Panduan Balai Pemeriksaan Hutan – BPH;
- Forest Related Laws (Vol 1);
- Forest Related Laws (Vol 2);
- Forest Related Laws (Vol 3);

- Aboriginal Peoples Act 1954;
- Kanun Tanah Negara, 1965;
- Kanun Keseksaan, (FMS Cap.6 45), 1984 (Pindaan 1993);
- Kanun Acara Jenayah, (FMS Cap.6), 1903 (Pindaan 1995);
- Akta Keterangan, 1950 (Pindaan 1993);
- Akta Perlindungan Tanah, 1960;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1995);
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- Akta Prosedur Kewangan, 1967 (Pindaan 1993);
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Employees Provident Fund Act 1991;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusahaan, 1967;
- Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Akta 262);
- Akta Pekerjaan, 1955;
- Federals Laws;
- Akta Kilang dan Jentera;
- Policies;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2010;
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 1973;
- Akta Taman Negara, 1980 (Pindaan 1983);
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- International Agreements;
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO);
- National Physical Plan 2;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/96;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/97;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2009;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2010;
- Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Operasi;
- National Tiger Action Plan;
- Pelan Pengurusan Gajah;



- Laporan Tahunan JPSM 2010;
- Laporan Tahunan JPN Perak 2010;
- Panduan Kerja Luar Inventori Hutan Nasional Ke-5;
- Garis Panduan Kriteria Pemilihan dan Prosedur Penandaan Pokok Ibu;
- Panduan Penentuan Had Batas Tebangan;
- Panduan Mengisi Borang Bancian Kawasan Selepas Dibalak (LOF);
- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Darat Asli SM;
- Panduan Pengusahaan Hutan Melalui Kawalan Isipadu;
- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut SM;
- Panduan Penubuhan Petak Contoh Kekal Ladang Hutan Kompensatori;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Panduan Penanaman Buluh;
- Panduan Penanaman Rotan;
- Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh;
- Manual Pengurusan Tapak Semaian Spesies Pokok Hutan SM;
- Panduan Penubuhan dan Kerja Luar Petak Ekologi VJR;
- Panduan Kerja Luar Bancian Hutan Dara;
- A Manual of Enrichment Planting in Logged-Over Forest;
- Understanding REDD+;
- Kawasan Tadahan Air;
- Kawasan HCVFs;
- Panduan Penubuhan VJR;
- Hutan Simpan Dara Maklumat VJR;
- Bancian Hutan Sebelum Tebangan;
- Menanda & Mencuci;
- Hutan Penyelidikan;
- Biodata Perkampungan Orang Asli 2010;
- Akta Orang Asli, 1954;
- Senarai Hidupan Liar;
- Manual Kerja Luar Kaw. Kajian Tetap CF1



IMBASAN 2014

Jabatan Perhutanan Negeri Perak



IMBASAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

PERBELANJAAN

Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerima peruntukan keseluruhannya sebanyak RM 15,426,060.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan iaitu sebanyak RM 7,926,060.00 bagi Kumpulan Wang Pembangunan

Hutan (KWP) dan RM 7,500,000.00 bagi Kewangan Negeri (P07). Sejumlah RM 6,645,774.14 (83.85%) bagi wang KWP dan RM 6,428,848.86 (85.72%) bagi wang P07 telah dapat dibelanjakan dari peruntukan tersebut dalam tahun 2014. Butir-butir peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti dalam Jadual 1.

Bil	Jenis Peruntukan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
1.0	KWP	7,926,060.00	6,645,774.14	83.85
2.0	P07	7,500,000.00	6,428,848.86	85.72
Jumlah Besar		15,426,060.00	13,074,623.00	84.76

Jadual 1 : Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2013



IMBASAN PERANCANGAN & PENGURUSAN HUTAN



PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK) menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap lima (5) tahun. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baru, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK dan pembelian serta pemasangan papan tanda HSK.

Sebanyak RM 900,000.00 telah diperuntukan di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) dan sebanyak RM 862,768.28 telah dibelanjakan untuk mencuci dan menanda kawasan sejauh 191.80 km manakala 111 km untuk Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Luar HSK oleh Jurukur Berlesen.

Pengurusan Kawasan Tadahan Air

Rancangan Pengurusan Kawasan Hutan Tadahan Air merupakan satu pelan induk pengurusan kawasan Tadahan Air dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Perak. Rancangan ini memberi satu gambaran yang lengkap mengenai latar belakang organisasi, perspektif pembangunan termasuk juga strategi, matlamat dan objektif yang hendak dicapai dalam jangkamasa terdekat dan 10 tahun akan datang.

Seluas 159,866 ha kawasan di Negeri Perak telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air pada 2 Ogos 2007 manakala Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 telah digunakan bermula 1hb Januari 2011. Oleh yang demikian bagi mencapai objektif pengurusan secara mampan tercapai dan kawasan Tadahan Air dilindungi sepenuhnya, Hutan Tadahan Air diurus berdasarkan Rancangan Pengurusan Tadahan Air (RPHTA) 2012-2021 Negeri Perak Darul Ridzuan berpandukan Kaedah-kaedah Hutan Tadahan Air Tahun 2010.

Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan bertanggungjawab merialisasikan pengurusan hutan secara berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif berkenaan adalah penting mempunyai maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh yang tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih agar aktiviti pengurusan yang berkekalan dan penghasilan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Di samping itu, melalui maklumat berkenaan Had Batas Tebangan (HBT) yang optimum dapat ditentukan dengan tepat. Bagi tahun 2014, sebanyak RM 575,560.60 telah diperuntukan untuk menjalankan aktiviti Pre-F. Seluas 6,922 ha hektar telah berjaya dibanci menggunakan peruntukan tersebut.

Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (HCVFs)


Projek ini dijalankan dengan tujuan memelihara dan mengekalkan kawasan dan isi hutan yang mempunyai ciri-ciri menarik dan unik serta bernilai tinggi bagi kepelbagaiannya biologi meliputi komposisi tumbuhan flora. Kawasan HCVFs boleh merupakan sebahagian kecil daripada seluruh hutan. Mula diperkenalkan pada tahun 1999 bagi memenuhi keperluan prinsip MC&I (Hutan Asli) bagi membuktikan pengurusan hutan secara berkekalan dengan pembalakan berimpak rendah. Sehingga tahun 2011 Negeri Perak telah menubuhkan sebanyak 7 petak HCVFs merangkumi kawasan Pakma, Sira Jenut, Tapak Perkuburan Pra-Sejarah, Balau Putih (*Shorea lumutensis*), dan Daun Sang (*Johannesteijsmannia perakensis*)



PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)

Hutan Simpanan Kekal perlu diklasifikasikan mengikut fungsi seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara. Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis – jenis hutan yang terdapat di negeri Perak. Penubuhan Hutan Simpanan Hutan Dara berfungsi mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan penubuhan ini dapat memelihara habitat flora dan fauna sekaligus menjamin kelangsungan sumber genetik flora dan fauna serta mikro organisma di samping dapat menyediakan kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan. Sebanyak RM 98,817.30 daripada RM 100,000.00 telah dibelanjakan untuk menjalankan projek bincian dan penandaan sempada VJR.



PROGRAM PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN

Penyediaan RPH Paya Laut

Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut bagi tempoh sepuluh tahun iaitu bermula tahun 2010 hingga 2019. Penyediaan buku ini adalah kesinambungan perancangan yang telah dibuat sejak tahun 1930. Segala pengurusan Hutan Paya Laut untuk tempoh sepuluh tahun akan datang berpandukan kepada buku ini bagi menjamin pengurusan hutan berkekalan dan mengekalkan corak pengurusan Hutan Paya Laut terbaik di dunia.

Penyediaan Kajian Separuh Penggal RPH Laut bagi tempoh 2006 – 2015

Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai dan membuat kajian terhadap keberkesanan rancangan yang telah dibuat dari tahun 2010 hingga 2014. Melalui kajian ini, segala input baru dan penambahbaikan akan dilakukan sebelum dibukukan.

PROGRAM IT DAN K-PERHUTANAN

Pembangunan Sistem Perhutanan

Projek Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan perkhidmatan sistem teknologi maklumat di jabatan ini dengan membangunkan laman web yang bermaklumat dan dapat dicapai oleh kakitangan dan orang awam. Sebanyak RM 34,551.00 telah digunakan untuk menaiktaraf laman web, menjalankan kerja naik taraf server dan documentation bagi rangkaian.


Peningkatan Sistem GIS

Projek Peningkatan Sistem GIS pula bertujuan memantapkan penggunaan sistem GIS agar seiring dengan langkah kerajaan menggunakan teknologi bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja sehari-hari.

Sebanyak RM 50,000.00 telah diperuntukan untuk kegunaan pembelian plotter dan komputer.

Pengurusan Hutan Darat

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan




mempraktikkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan (Sustainable Forest Management, SFM) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, HSK telah diurus melalui dua giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu sejak akhir ini, kebanyakan kawasan HSK diurus melalui Sistem Tebangan Memilih (Selective Management System, SMS) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. Sistem Pengurusan Memilih melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum. Di bawah sistem ini tebangan pokok dari kumpulan Dipteroarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas. Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayuan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimalkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebangan akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan. Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)

Tahun	Operasi
n-2 hingga n-1	Inventori Hutan Sebelum Tebangan berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan Had Batas Tebangan.
n-1 hingga n	Penandaan Pokok dan menentukan arah tebangan bagi pokok untuk diusahasil. Penandaan Pokok juga dilaksanakan bagi pokok-pokok untuk dirian tinggal, Pokok Perlindungan dan Pokok Ibu,
n	Penebangan pokok sebagaimana yang ditentukan / disyaratkan
n+1/4 hingga n+1/2	Bancian untuk menentukan denda ke atas pokok yang tidak di tebang dan kerosakan ke atas dirian tinggal serta royalti ke atas balak pendek dan balak kecil yang tidak dikeluarkan.
n+2 hingga n+5	Inventori Hutan Selepas Tebangan berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan stok dirian tinggal dan rawatan yang sesuai.
n+7	T1 (Rawatan lanjutan) dijalankan
n+10	Inventori hutan dijalankan untuk menentukan status pemuliharaan

n : Tahun Tebangan



Pengurusan Hutan Paya Laut

Pengurusan Hutan Paya Laut Matang (HPLM) diuruskan dengan merujuk kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) yang disediakan serta dikemaskini bagi tempoh setiap 10 Tahun semenjak dari tahun 1950. Merujuk kepada RKHPLM terkini iaitu bagi tempoh tahun 2010-2019, pengurusan Hutan Paya Laut Matang telah memasuki Fasa 10 Tahun Pertama bagi Giliran Tebangan Ketiga (30 Tahun Giliran Tebangan) serta telah diuruskan secara berkekalan bagi mencapai tiga (3) objektif utama pengurusan HPLM sebagaimana yang berikut:

- Bagi menyumbang aktiviti penghasilan Arang Kayu Bakau secara mapan;
- Bagi menyumbang aktiviti penghasilan Kayu Jaras Bakau secara mapan; dan
- Untuk tujuan konservasi dan perlindungan flora dan fauna kawasan HPL.

Selaras dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Hutan Paya Laut telah diuruskan mengikut turutan operasi seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Turutan Operasi Sistem Pengurusan Hutan Paya Laut

Tahun	Operasi
n	Tebangan bagi pengeluaran arang kayu
n + 1	Penentuan kawasan untuk penanaman semula
n + 2	Penanaman semula (Rhizophora spp.)
n + 3	Bancian peratus pokok yang berjaya hidup dan rawatan pengayaan (jika perlu)
n + 15	Aktiviti penjarangan pertama menggunakan kayu 1.2 m (kayu jaras)
n + 20	Aktiviti penjarangan kedua menggunakan kayu 1.8 m (kayu jaras)
n	Tebangan bagi pengeluaran arang kayu

n : dirian 30 tahun

IMBASAN SILVIKULTUR & PERLINDUNGAN



HUTAN MASYARAKAT

Tanaman Dan Rawatan Hutan Perkampungan

Projek Tanaman Dan Rawatan Hutan Perkampungan merupakan sebuah projek yang dilaksanakan di kawasan H.S.K yang lokasinya hampir dengan kawasan penempatan atau perkampungan. Antara aktiviti di kawasaan ini adalah penanaman dan rawatan bagi memulihkan dan mengayakan semula kawasan hutan tersebut. Selain itu, pihak jabatan turut melibatkan penduduk tempatan dalam aktiviti ini. Antaranya melalui aktiviti perhutanan sosial iaitu program bersama masyarakat bagi mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga kelestarian hutan asli yang dimiliki oleh negara. Program ini melibatkan penyerahan anak-anak pokok hutan yang boleh memberikan hasil kepada penduduk setempat antaranya adalah spesies petai, durian, karas dan lain-lain spesies.

Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan sejumlah RM 43,305.00 berbanding RM 50,000.00 yang telah diperuntukkan untuk menjalankan projek Hutan Perkampungan.

Bekalan Anak Benih

Fungsi utama bagi projek bekalan anak benih adalah penyediaan bekalan anak benih yang mencukupi untuk projek-projek yang

dilaksanakan oleh pihak Jabatan.

Bagi tahun 2014, pihak Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM 256,135.00 bagi memenuhi keperluan anak benih yang bermutu tinggi untuk ditanam di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal bagi menjamin keperluan bekalan kayu di masa hadapan.

PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Program Pembangunan Hutan Asli merupakan program yang diwujudkan untuk memulih dan meningkatkan produktiviti kawasan Hutan Simpanan Kekal supaya pengeluaran kayu-kayan dan lain-lain keluaran hutan dapat dipertingkatkan. Projek-projek pembangunan hutan yang dilaksanakan di bawah program ini adalah Tanaman Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Persisiran Pantai, Penubuhan Arboretum Perhutanan, Simpanan Hutan Dara, Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F), Memotong Akar Pepanjat, Tanaman dan Rawatan Menggaya, Tanaman dan Rawatan Bakau, Pemulihan Kawasan Terosot dan Pembangunan Tapak Semaian seperti berikut:

Tanaman Bakau dan Spesies yang Sesuai di Persisiran Pantai

Bagi Program Tanaman Pesisiran Pantai Negara, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan berjumlah RM 74,000.00

daripada Peruntukan Persekutuan (P23) bagi melaksanakan kerja-kerja menanam pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara. Kawasan yang terlibat adalah di kawasan cadangan Hutan Simpan Lekir di Daerah Kinta Manjung. Daripada jumlah diperuntukkan itu, sejumlah RM 73,958.60 telah berjaya dibelanjakan.

Penubuhan Arboretum Perhutanan

Projek Penubuhan Arboretum Perhutanan adalah bertujuan untuk memelihara khazanah alam yang merangkumi semua kepelbagaiaan biologi alam terutamanya spesies pokok hutan yang terdapat dalam kawasan hutan asli. Ini kerana terdapat spesies-spesies tertentu telah pupus atau hampir pupus. Oleh itu, penubuhan arboretum perhutanan dilihat perlu bagi memastikan kelangsungan spesies-spesies ini dapat dikenekalkan selain sebagai sumber untuk mendapatkan anak benih untuk tujuan pembiakan dan pemuliharaan. Selain itu, penubuhan arboretum perhutanan dilihat penting untuk tujuan kajian dan rujukan di masa akan datang.

Simpanan Hutan Dara

Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Setiap kawasan yang telah diusahasil perlu dinilai dirian tinggal melalui aktiviti Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F). Post-F hanya akan dilaksanakan setelah dua (2) hingga lima (5) tahun selepas sesebuah kompartmen itu diusahasil. Tujuan utama perlaksanaan inventori ini adalah untuk mendapatkan maklumat tepat mengenai kewujudan tumbuhan seperti rotan, buluh, pepanjat, bertam dan tumbuhan-tumbuhan lain dalam sesebuah kompartmen agar kaedah rawatan yang sesuai dapat dilaksanakan di kawasan hutan tersebut.

Maklumat yang dikumpul sewaktu Post-F dilaksanakan adalah mengenai spesies dirian tinggal, kedudukan stok, keadaan stok, taburan pokok ibu, kayu jaras, anak-anak pokok dan anak benih. Selain itu, fisiografi hutan seperti ketinggian, kecuraman, jenis tanah, ekologi dan kewujudan sungai dalam kawasan tersebut dapat dikenalpasti bagi mengelakkkan kesan buruk kepada alam sekitar seperti pencemaran sumber air, banjir lumpur dan lain-lain impak negatif.

Pada tahun 2014, sebanyak RM 387,340.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk perlaksanaan aktiviti Post-F. Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan telah berjaya melaksanakan aktiviti Post-F di kawasan seluas 4,264.0 hektar berbanding sasaran matlamat fizikal yang telah ditetapkan iaitu 4,000 hektar. Maklumat keluasan kawasan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tempoh empat belas (14) tahun terakhir adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Keluasan Kawasan Yang Telah Dilaksanakan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) Di H.S.K Negeri Perak Darul Ridzuan Bagi Tahun 2000 Hingga 2014

Aktiviti Post-F yang dilaksanakan	
Tahun	Luas (ha)
2000	10,123.20
2001	6,577.60
2002	9,822.68
2003	7,711.50
2004	9,740.27
2005	9,021.00
2006	10,193.30
2007	5,398.90
2008	9,624.50
2009	5,060.65
2010	2,990.00
2011	1,820.00
2012	4,325.20
2013	6,053.50
2014	4,264.00
Jumlah:	102,726.3

Memotong Akar Pepanjat (CL)

Merujuk kepada Surat Pekelingking Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 3 Tahun 2014 Peraturan Memotong Akar/ Pepanjat (CL) dan Memotong Bertam adalah suatu bentuk rawatan pemuliharaan hutan untuk memberi pertolongan kepada dirian tinggal selepas pembalakan dijalankan. Rawatan ini dilaksanakan selepas aktiviti Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) dilaksanakan tidak lewat daripada lima (5) tahun selepas pengusahaisan dilaksanakan. Ia melibatkan aktiviti memotong akar/pepanjat yang mengganggu tumbesaran dirian tinggal dan pemusnahan bertam yang menghalang taburan biji benih ke lantai hutan dan mengganggu tumbesaran anak benih.

Pada tahun 2014, sejumlah RM 14,434.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak kepada Unit Silvikultur dan Perlindungan bagi tujuan perlaksanaan aktiviti CL. Dan jumlah peruntukan tersebut telah berjaya digunakan sepenuhnya dalam mencapai matlamat fizikal yang telah ditetapkan dalam melaksanakan aktiviti memotong akar pepanjat.

Tanaman dan Rawatan Mengaya (TM)

Aktiviti Tanaman Mengaya (TM) dijalankan untuk membantu memulihkan isi kandungan hutan miskin supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutama dari segi komposisi hutan iaitu spesies-spesies yang mempunyai nilai pasaran dan berkualiti selain mengikut kesesuaian tanah. Selain itu, ia dilaksanakan di kawasan lapang supaya kawasan tersebut kembali berhutan dengan spesies-sesies yang mempunyai nilai pasaran dan berkualiti dan mampu memberikan hasil. Antara kawasan lapang yang biasanya dilaksanakan adalah di kawasan bekas matau, bekas tapak kongsi, lorong penarik dan di kawasan tanaman pindah.

Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mensasarkan perlaksanaan sejumlah 40 hektar keluasan untuk dilaksanakan aktiviti tanaman mengaya. Dan dengan peruntukan sebanyak RM 55,254.00, sasaran tersebut berjaya dicapai.

Tanaman dan Rawatan Bakau

Projek Tanaman dan Rawatan Bakau melibatkan projek-projek seperti penanaman semula kawasan hutan paya laut yang miskin. Antara kawasan yang terlibat dengan projek Tanaman dan Rawatan Bakau adalah sekitar HS Pulau Selinsing, HS Trong, HS Sungai Temerloh, HS Pulau Pasir Hitam, HS Jebong dan HS Pulau Sangga Besar di Daerah Larut Matang dengan jumlah peruntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWHF) sebanyak RM 919,579.60. Matlamat fizikal yang telah ditetapkan di peringkat Jabatan adalah sebanyak 400 hektar, namun pihak Jabatan telah berjaya melaksanakan sejumlah 416.0 hektar bagi aktiviti Tanaman dan Rawatan Bakau mencecah 104.05% dari matlamat asal yang telah ditetapkan.

Bagi Peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri (P07), Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM 900,000.00 untuk projek Tanaman dan Rawatan Bakau. Matlamat fizikal yang telah ditetapkan adalah seluas 200 hektar kawasan, namun, pihak Jabatan berjaya melaksanakan seluas 516.9 hektar kawasan dengan menggunakan sejumlah RM 893,290.94 daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan.

Pemuliharaan Kawasan Terosot

Projek Pemuliharaan Kawasan Terosot melibatkan aktiviti penanaman semula kawasan-kawasan yang dianggap miskin tetapi berpotensi untuk dipulihkan untuk menjadi kawasan hutan yang mampu memberikan hasil di masa akan datang. Antara kawasan-kawasan yang dikelaskan sebagai terosot adalah kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diteroka oleh pihak-pihak tertentu atau masyarakat tempatan. Ia bagi mengelakkan pencerobohan tersebut terus berleluasa.

Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan sejumlah RM 39,701.00 untuk projek-projek pemuliharaan kawasan terosot di seluruh negeri Perak. Matlamat fizikal

yang telah ditetapkan adalah 5 hektar, namun, pihak Jabatan telah berjaya mengenalpasti dan melaksanakan projek pemuliharaan kawasan terosot seluas 8.8 hektar kawasan hutan.

Pembangunan Tapak Semaian

Tapak semaian ditubuhkan untuk tujuan penghasilan anak benih dan anak pokok yang akan digunakan bagi projek-projek perhutanan semula, penyelidikan, perhutanan bandar dan aktiviti-aktiviti landskap. Jenis, bilangan dan susun atur alat kelengkapan adalah bergantung kepada kapasiti dan sistem penghasilan anak benih.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak mempunyai 7 buah tapak semaian yang masih aktif. Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak melalui projek Pembangunan Tapak Semaian telah membelanjakan sejumlah sembilan puluh dua perpuluhan empat lima peratus (92.45%) daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM 249,900.00 untuk tujuan pembangunan tapak semaian. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pembelian peralatan tapak semaian, pembelian racun, baja, tanah hitam, top soil, pasir dan kerja-kerja menaiktaraf tapak semaian. Maklumat kapasiti pengeluaran anak pokok bermula tahun 2010 sehingga tahun 2014 adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Kapasiti Pengeluaran Bahan Tanaman Berkualiti Di Negeri Perak (2010-2014)

Pejabat Hutan Daerah	Tapak Semaian	Kapasiti Pengeluaran Anak Pokok				
		2010	2011	2012	2013	2014
Hulu Perak	Air Ganda	38,520	50,160	58,408	28,061	21,969
Kuala Kangsar	Ulu Piol	25,450	47,950	59,325	59,745	30,570
Larut Matang	Bukit Larut	7,500	8,800	11,000	18,875	42,238
Larut Matang	K. Sepetang	3,455	2,326	-	50	3,322
Kinta Manjung	Pusing	31,720	15,570	35,313	15,314	41,116
Perak Selatan	Kg. Chang	820	-	3,942	3,896	16,010
Perak Selatan	Chikus	4,578	-	-	12,785	23,558
		Jumlah:	112,043	124,806	167,988	138,726
						334,008

EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR

Hutan Bandar

Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) telah menzahirkan mengenai hasrat untuk mengimbangkan pembangunan fizikal dengan kestabilan alam sekitar bagi menjamin persekitaran yang baik dapat dikekalkan. Oleh itu, konsep Hutan Bandar telah diperkenalkan. Antara aktiviti di bawah program ini adalah penanaman pokok di kawasan perbandaran. Objektif utamanya adalah untuk memberi kehijauan, keselesaan, keindahan serta mengimbangi impak pembangunan fizikal kawasan perbandaran.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menanam, memelihara dan mengurus pokok di kawasan-kawasan awam termasuk taman rekreasi, taman permainan dan kawasan lapang di samping mengindahkan laluan

di sepanjang lebuhraya. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak turut berperanan membekal dan menjual anak pokok jenis tempatan dan dagang kepada pihak pemaju, pihak sekolah, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan orang awam.

Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan 97.74% atau RM 112,405.00 daripada peruntukan keseluruhan yang telah diberikan dan berjaya melaksanakan lebih daripada satu program perhutanan sosial yang merupakan matlamat fizikal Jabatan.




IMBASAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HUTAN


Pada tahun 2014 sebanyak 40 kes kesalahan hutan selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 telah dikesan. Tiada sebarang kes Pembalakan Haram dicatatkan pada tahun 2014 dan ianya sejajar dengan Deklarasi Cherating yang mensasarkan pembalakan sifar menjelang Tahun 2016. Tindakan yang setimpal dan berpadanan seperti yang diperuntukkan dibawah peruntukan undang-undang telah diambil bagi memastikan kes kesalahan hutan seumpama ini tidak berlaku dan berulang lagi pada masa akan datang. Carta 1 menunjukkan trend kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram tahun 2014.

Carta 1 : Trend kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram tahun 2014



Sidang Media Kes Tangkapan Gaharu bagi Tangkapan Gaharu di Gerik

Carta 10 : Pecahan kutipan kompaun dan gantirugi kes kesalahan hutan mengikut kawasan bagi tahun 2014



Bagi kes kesalahan hutan tersebut, bayaran kompaun dan gantirugi yang dikutip ialah RM2,119,109.30. Pecahan kutipan kompaun dan gantirugi kes kesalahan hutan mengikut kawasan bagi tahun 2014 seperti ditunjukkan dalam Carta 10

Sejumlah lima (5) kes kesalahan hutan telah didakwa di Mahkamah di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 (Pemakaian) 1985 [Akta 313] pada tahun 2014 manakala satu (1) kes lagi merupakan sambung bicara.

IMBASAN INDUSTRI & PENGUSAHASILAN

PENGUSAHASILAN HUTAN

Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah meluluskan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) seluas 34,950.0 hektar dalam jangka masa lima (5) tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, CTT seluas 6,990.0 hektar setahun telah diperuntukkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2014

Catuan Tebangan Tahunan		Hutan Simpan Kekal (HSK)					Jumlah Kawasan dibuka untuk pengusa-hasilan	
Diluluskan	Tebangan Diusahasilkan	Tujuan Pembangunan	Ladang Hutan	Lain-Lain	Jumlah	Tanah Kerajaan	Tanah Berimilik	
6,990.0 Ha	6,898.0 Ha	2,278.8 ha	-	-	9,176.80 ha	3,152.76 ha	2,975.1773 ha	15,304.7373 ha

*Peratus berbanding jumlah keluasan pengusahasilan.

Pengeluaran Kayu Balak Mengikut Jenis Kayu

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2014 adalah berjumlah 507,088.69 m³ yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Carta 1.

Jadual 2 : Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2014

Bil. Kumpulan Jenis Kayu	Pengeluaran (m ³)	Peratus (%)*)
1. Kayu Keras Berat (KKB)	31,533.27	6
2. Kayu Keras Sederhana (KKS)	164,466.22	33
3. Kayu Keras Ringan (KKR)	311,089.20	61
4. Lain-Lain Jenis (LLJ)	-	-
JUMLAH	507,088.69	100.00

*Peratus berbanding jumlah Pengeluaran

Carta 1 : Peratus Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2014



- Kayu Keras Ringan • 61%
- Kayu Keras Sederhana • 33%
- Kayu Keras Berat • 6%

Pengusahasilan Hutan Paya Laut

Jadual 3 : Maklumat Lesen Pengusahasilan Yang Dikeluarkan Oleh Hutan Paya Laut Setiap Suku Tahun 2014 bagi KUP Arang Kayu (KAK)

Bil.	Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Tan)
1.	Pertama	25	180.4	5,434
2.	Kedua	39	308	4,873
3.	Ketiga	16	129.8	4,829
4.	Keempat	35	254.1	4,730
	Jumlah	115	872.3	19,866.00
	* Jumlah Hasil (RM)		RM747,792.36	

*Jumlah cukai dan ses

Jadual 4 : Maklumat Lesen Pengusahasilan Yang Dikeluarkan Oleh Hutan Paya Laut Setiap Suku Tahun 2014 bagi KUP Kayu Jaras (KKJ)

Bil.	Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Batang)
1.	Pertama	15	302	118,780
2.	Kedua	19	360	120,229
3.	Ketiga	12	244	159,685
4.	Keempat	21	373	172,371
	Jumlah	67	1,279.0	571,690
	* Jumlah Hasil (RM)		RM489,063.28	

*Jumlah cukai dan ses

INDUSTRI BERASAS KAYU

Jumlah Kilang Industri Berasas Kayu

Bilangan kilang di bawah Industri Berasas Kayu Terpilih yang dilesenkan (berdaftar) di Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Tahun 2014 adalah 705 buah. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti dinyatakan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Kilang dalam Industri Berasas Kayu Terpilih Tahun 2014

Bil.	Jenis Kilang	Bilangan		Peratus (%)*
		Lesen	Beroperasi	
1.	Kilang Papan (KP)	97	78	80.41
2.	Kilang Kayu Kumai (KU)	4	4	100.00
3.	Kilang Papan Lapis/Venir (PL/KV)	12	7	58.33
4.	Kilang Perabol/Kerja Kayu (PE/KK)	364	314	82.26
5.	Loji Pengawetan (LP)	40	28	70.00
6.	Loji Tanur Pengering (TP)	27	21	77.78
7.	Kilang Buluh (BU)	22	6	27.27
8.	Kilang Rotan (RO)	6	3	50.00
9.	Tanur Arang (TA)	115	115	100.00
10.	Kilang Kayu Getah (GE)	15	12	80.00
11.	Loji Tepung Kayu (TK)	1	1	100.00
12.	Kilang Cebis Kayu (CK)	2	2	100.00
JUMLAH		705	591	83.83

* Jumlah Kilang Beroperasi Berbanding Jumlah Lesen Dikeluarkan

Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) Kayu Balak oleh Kilang Papan adalah sebanyak $429,774.46\text{m}^3$ dengan pengeluaran sebanyak $404,789.47\text{m}^3$ (94.36%). Bagi penggunaan (kemasukan) Kilang Papan Lapis/Venir adalah sebanyak $125,566.39\text{m}^3$ dengan pengeluaran $99,023.54\text{m}^3$ (78.86%), manakala kemasukan Kayu Gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 1056.44m^3 dengan pengeluaran sebanyak 975.37m^3 (92.33%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2014

Bil.	Jenis Kilang	Penggunaan (m ³)	Pengeluaran (m ³)	Peratus * (%)
1.	Kilang Papan	429,774.46	404,789.47	94.19
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	125,566.39	99,023.54	78.86
3.	Kilang Kayu Kumai	1056.44	975.37	92.33
JUMLAH		556,397.29	504,888.38	90.74

*Peratus pengeluaran berbanding penggunaan

Pekerja Upahan dalam Industri Berasas Kayu


Disamping itu, bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2014 adalah berjumlah 2741 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7 dan Carta 2.

Jadual 7: Pekerja upahan dalam Industri Berasas Kayu Terpilih Tahun 2014

Bil.	Industri	Bilangan Pekerja	Peratus* (%)
1.	Kilang Papan (KP)	2254	82
2.	Kilang Papan Lapis/Venir (KPL)	424	16
3.	Kilang Kayu Kumai (KKK)	63	2
JUMLAH		2741	100.00

*Perbandingan Jumlah Bilangan Pekerja

Carta 2 : Peratus Perbandingan Pekerja Upahan Dalam Industri Berasas Kayu Terpilih Tahun 2014



IMBASAN HUTAN LIPUR




PROGRAM EKOPELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR

Hutan Lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, bersukan, penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan flora dan fauna. Peranan Hutan Lipur dalam menyediakan tempat yang sesuai untuk riadah dan istirehat menjadi semakin penting di Negara ini ekoran kesedaran orang ramai terhadap kepentingan serta faedah alam sekitar. Hutan Lipur merupakan salah satu daripada 11 Fungsi Hutan di bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Jadual 5 : Hutan Lipur Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sejumlah 16 buah Hutan Lipur telah ditubuhkan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak bermula tahun 1979. Kedudukan setiap Hutan Lipur sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan A. Sehingga 2014, seramai 566,650 orang telah mengunjungi Hutan Lipur Negeri Perak. Maklumat terperinci setiap Hutan Lipur seperti berikut:



Bil	Nama Hutan Lipur	Tahun Penubuhan	Daerah Pentadbiran Hutan	Luas Pembangunan (Ha)
1.	Lata Iskandar	1979	Perak Selatan	15.0
2.	Bukit Larut	1979	Larut & Matang	15.0
3.	Kuala Woh	1983	Perak Selatan	45.0
4.	Ulu Kinta	1987	Kinta / Manjung	15.0
5.	Taman Eko-Rimba Lata Kinjang	1989	Perak Selatan	20.0
6.	Ulu Kenas	1990	Kuala Kangsar	20.0
7.	Lata Kekabu	1990	Hulu Perak	10.0
8.	Papan	1992	Kinta / Manjung	10.0
9.	Pulau Pangkor	1992	Kinta / Manjung	20.0
10.	Pasir Panjang	1996	Kinta / Manjung	15.0
11.	Tali Kail	1997	Hulu Perak	263.0
12.	Sungai Salu	1998	Kinta / Manjung	10.0
13.	Sungai Nyior	1998	Larut & Matang	10.0
14.	Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	2004	Larut & Matang	15.0
15.	Ulu Licin	2006	Kinta / Manjung	30.0
16.	Taman Rimba Kledang Saiong	2010	Kinta / Manjung	20.0

Pada tahun 2014, Unit Hutan Lipur telah menerima sebanyak RM 1,850,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi Program Eko-Pelancongan dan Hutan Lipur Projek Penubuhan & Penyelenggaraan Hutan Lipur. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak RM 1,849,194.21 telah dibelanjakan. Projek ini bertujuan membangunkan Hutan Lipur dan penyelenggaraan kemudahan untuk keselesaan pengguna. Disebabkan tiada penubuhan Hutan Lipur baru keseluruhan peruntukan dibelanjakan untuk pembersihan kawasan Hutan Lipur, penyelenggaraan kemudahan Hutan Lipur, pemasangan media interpretif di denai interpretasi di Hutan Lipur Papan, pemasangan media interpretif di denai interpretasi di Hutan Lipur Pulau Tali Kail, pemasangan sistem bekalan elektrik di Hutan Lipur Lata Kekabu, pembinaan dan menaiktaraf *boardwalk* di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, dan kerja-kerja pengurusan pokok bahaya.

Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWP), sebanyak RM 1,160,000.00 telah diterima dan RM 1,094,420.53 telah dibelanjakan untuk empat (4) projek iaitu Projek Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur, Projek Pembangunan Prasarana & Pemprograman Rekreasi di Taman Rimba Kledang Sajiong, Projek Sistem Amaran Kepala Air dan Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Hutan Lipur. Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi menjalankan kerja-kerja menaiktaraf Hutan Lipur Pulau Tali Kail, menaiktaraf Laman Herba di Hutan Lipur Ulu Kenas, membaik pulih kemudahan di Hutan Lipur Sg. Salu, membersih tangki pembentungan & menyelenggara lubang tandas yang tersumbat di tandas awam Hutan Lipur Sg. Nyior, membangunkan landskap untuk Taman *Nepenthes* Kledang Sajiong dan memasang Penggera Kepala Air di Hutan Lipur Ulu Kinta, Daerah Kinta Manjung dan Hutan Lipur Lata Iskandar, Daerah Perak Selatan serta menyediakan Pelan Induk Pembangunan di enam (6) buah Hutan Lipur.

PROGRAM PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN

PROJEK : **RISALAH PERHUTANAN & LAIN-LAIN PENERBITAN**


Penyebaran maklumat melalui risalah penerangan mengenai pelbagai aspek dalam bidang perhutanan amatlah penting bagi mendidik dan meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat dan pelajar. Bagi melaksanakan tujuan tersebut sebanyak RM 150,000.00 telah diterima di bawah Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWP). Antara risalah yang telah diterbitkan adalah mencetak Laporan Tahunan 2013, mencetak poster-poster bagi tujuan pameran, mencetak brosur Hutan Lipur, mencetak booklet "Denai Interpretasi Bicara Alam", membeli Buku *Malaysia Agribusiness Directory* 2013 - 2014, membeli 12 buah buku berkaitan *Nepenthes*, serta *Coffee Table Book* berkaitan perhutanan.

PROJEK : **PAMERAN PERHUTANAN**

Dalam usaha untuk mengembangkan ilmu perhutanan kepada masyarakat, pihak Jabatan mengambil inisiatif mengadakan pameran perhutanan dengan tujuan memberi maklumat kepada masyarakat berkaitan fungsi dan peranan Jabatan Perhutanan dalam mengurus dan memelihara hutan asli dan sumbangan dalam bidang perhutanan kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWP), sebanyak RM RM 300,000.00 telah diterima dan RM 207,836.50 telah dibelanjakan untuk sewaan *booth*, pembelian barang pameran dan penghasilan *backdrop*. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 14 pameran telah diadakan di antaranya ialah:

1. Pameran sempena Majlis Resepsi Perkahwinan JPNP di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
2. Pameran sempena Kembara Rimba bersama Menteri Besar Perak di Hutan Lipur Ulu Kenas.
3. Pameran sempena Program Sambutan Hari Antidadah Peringkat Negeri Perak di Kampung Kepayang, *Fair Park*.
4. Pameran sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di *Mydin Wholesale Hypermarket*, Seremban 2.
5. Pameran sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat MRSM Taiping.
6. Pameran sempena Sambutan Hari Guru 2014 di *Mydin Wholesale Hypermarket* Meru Raya.
7. Pameran sempena Keberangkatan ke bawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan bersama ahli Kelab Wanita Perak ke Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang.
8. Pameran sempena Ekspo MATTA Fair, di Hotel Perdana, Taiping.
9. Pameran sempena Program My Spieg Pagar Eletrik dari Kampung Pauh ke Terkop, Sungai Siput.
10. Pameran sempena Kembara Rimba dan Perhutanan Sosial JPNP bersama *Pro-bike Motorspot Club & Young Muslim Sport Club* di Pos Yum, Kuala Kangsar.
11. Pameran sempena Program Rimba dan Alam Sekitar Tanggungjawab Anda (RASTA 2014) di Universiti Teknologi MARA Seri Iskandar, Perak.
12. Pameran sempena Program Sepakat Komuniti 1 Malaysia, Perak Tengah 2014 di Kampung Tanjung Belanja, Parit.
13. Pameran sempena Program Sepakat Komuniti 1 Malaysia Peringkat Negeri Perak di Dataran Pavillion Kuala Kangsar.
14. Pameran sempena *Perak Conference on A Century of Matang Mangrove Forest Management: The Harnessing Transformation Ideas*.

IMBASAN KEJURUTERAAN HUTAN



PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN BAGI TAHUN 2014

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini dalam tahun 2014 adalah seperti berikut :

PENYELENGGARAAN / NAIKTARAF BANGUNAN PEJABAT & KUARTERS

Pada tahun 2014, sejumlah RM 1.5 Juta telah diperuntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf bangunan pejabat dan kuarters bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Hutan Daerah serta Pejabat Renjer yang terlibat diseluruh Perak. Bangunan pejabat dan kuarters jabatan yang dibina di setiap daerah adalah merupakan aset jabatan yang perlu dijaga dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan kuarters masih terjaga dan dalam keadaan baik serta sempurna. Selain dari itu, keadaan kuarters yang bersih, selamat dan selesa untuk diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

Kerja-kerja yang dijalankan adalah meliputi pelenggaran am dan pendawaman semula. Ini adalah untuk memastikan tahap keselesaan dan keselamatan penghuninya sentiasa terjamin. Sepanjang tahun 2014, sebanyak RM 1,599,881.80 (88.88%) telah dibelanjakan dalam memastikan keadaan pejabat dan kuarters jabatan berada pada tahap yang baik.

PEMBINAAN BARU BANGUNAN PEJABAT / KUARTERS

Perancangan pembangunan bagi tahun 2014, bagi pembinaan bangunan baru, sejumlah RM 1,250,000.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi kerja-kerja pembinaan baru bangunan pejabat dan kuarters. Dari jumlah ini sebanyak RM 453,048.00 (36.24%) telah dibelanjakan bagi Membina Pejabat Hutan Daerah Kinta Manjung, Membina Pejabat Renjer Lenggong, Membina Balai Pemeriksa Lasah, Sg. Siput, Membina *Culvert Cabin* di Segari dan Membina Laluan Pejalan Kaki di Hutan Lipur Kledang Saiong.

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN HUTAN

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Penyelenggaraan jalan hutan bagi tahun 2014 telah diperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 dan dari jumlah ini sebanyak RM 99,302.93 (99.30%) telah dibelanjakan. Penyelenggaraan ini adalah penting bagi memastikan jalan hutan dibina mematuhi spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 disamping dapat mengurangkan kesan hakisan tanah dan dapat melindungi alam sekitar.

IMBASAN LADANG HUTAN

PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program Pembangunan Ladang Hutan meliputi kerja-kerja rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan yang merangkumi petak ladang Getah Klon Balak (TLC), petak ladang Chengal dan Kapur serta petak ladang Karas. Bagi tahun 2014 Progam Pembangunan Ladang Hutan telah diperuntukkan sebanyak RM 200,000.00 untuk rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan sediada dan RM 199,950.00 (99.975%) daripada peruntukan berkenaan telah dibelanjakan. Sepanjang tahun 2014 juga, seluas 55 hektar kawasan ladang hutan yang baru ditubuh telah dijalankan rawatan dan penyelenggaraan.

TANAMAN DAN RAWATAN HUTAN TANI

Program Sumber Bukan Kayu di bawah Projek Tanaman dan Rawatan Hutan Tani telah memperuntukkan sebanyak RM 20,000.00 dan sebanyak RM 19,950.00 (99.75%) telah dibelanjakan untuk rawatan dan penyelenggaraan petak hutan tani seluas 20 hektar di Hutan Simpan Chikus.

IMBASAN HUTAN BUKAN KAYU

TANAMAN HERBA HUTAN

Tumbuhan Herba Hutan berkhasiat untuk kesihatan tubuh badan manusia serta didapati boleh mengurangkan, menyembuh dan mencegah masalah kesihatan yang dihadapi. Tumbuhan Herba Hutan ini juga telah dieksplorasi dengan meluas secara komersil. Keadaan ini membuatkan Tumbuhan Herba Hutan mempunyai permintaan yang baik di pasaran dan secara tidak langsung mempunyai harga pasaran yang baik. Tumbuhan Herba Hutan yang dimaksudkan terutamanya adalah seperti Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) dan Kacip Fatimah (*Labisia pumila*). Projek Tanaman Herba Hutan dan Rawatan Tanaman dijalankan untuk menambahkan keluasan Tanaman Herba Hutan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal.

Dalam tahun 2014, Projek Tanaman dan Rawatan Herba Hutan telah dijalankan. Seluas 9.0 hektar Tanaman Herba Hutan telah dijalankan kerja-kerja tanaman berbanding dengan matlamatnya seluas 20.0 hektar dalam tahun 2014. Projek Rawatan Tanaman Herba Hutan dijalankan bagi kawasan yang telah dijalankan Tanaman Herba Hutan supaya kawasan tersebut terus terjaga. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja Tanaman dan Rawatan Herba Hutan termasuk pembelian anak pokok dan bahan tanaman adalah sebanyak RM 59,865.00 (99.7%) dari peruntukan sebanyak RM 60,000.00.

TANAMAN ROTAN

Rotan merupakan antara hasil hutan yang bernilai dan semakin dikenali kerana keunikan dan kecantikannya apabila direkabentuk menjadi perabot dan kraftangan. Jenis rotan yang menjadi pilihan dan mempunyai pasaran adalah Rotan Manau (*Calamus manan*) dan Rotan Segi (*Calamus caesius*) yang masing-masing digunakan bagi

rangka/komponen perabot rotan dan untuk ikatan/penyambungan komponen perabot. Projek Tanaman Rotan dijalankan untuk menampung dan menjamin bekalan sumber rotan terus kekal di masa hadapan memandangkan permintaan dari industri dan penggunaannya yang semakin meningkat.

Dalam tahun 2014, Projek Rawatan Tanaman Rotan telah dijalankan. Seluas 15.0 hektar Tanaman Rotan telah dijalankan kerja-kerja rawatan (100%) berbanding dengan matlamatnya seluas 10.0 hektar dalam tahun 2014. Kerja-kerja rawatan ke atas pokok rotan yang telah ditanam dijalankan sehingga pokok rotan yang ditanam tersebut boleh membesar dengan sendirinya. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah sebanyak RM 30,000.00 (100%) dari peruntukan RM 30,000.00.

TANAMAN BULUH

Projek Tanaman Buluh dijalankan bagi membolehkan Buluh dari jenis yang dikehendaki dan berkualiti dapat dibekalkan dengan mencukupi secara berterusan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terutama dalam pembuatan perabot dan kraftangan. Di antara jenis Buluh yang biasa ditanam adalah Buluh Beting (*Gigantochloa levis*) dan Buluh Betung (*Dendrocalamus asper*).

Dalam tahun 2014, seluas 10.0 hektar (100%) kawasan tanaman Buluh telah dijalankan rawatan berbanding dengan matlamatnya 10.0 hektar. Projek Rawatan Tanaman Buluh dijalankan sehingga pokok Buluh tersebut boleh membesar dengan sendirinya. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah RM 49,885.00 (99.7%) dari peruntukan sebanyak RM 50,000.00.

PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA PAPAN

Pelaksanaan projek di Taman Herba Papan dilaksanakan bagi mengwujudkan sebuah Taman Herba yang akan menjadi pusat rujukan dan menempatkan koleksi tumbuhan ubatan samada yang terdapat dalam hutan asli yang biasa digunakan oleh masyarakat, yang dikomersilkan dan tumbuhan ubatan yang lain. Disamping itu Taman Herba ini menjadi destinasi pelancongan dan penyelidik yang menarik dan informatif. Taman Herba Papan ini juga selaras dengan konsep pemuliharaan tumbuhan ubatan samada tumbuhan sediada/

kawasan berdekatan (in-situ) dan tumbuhan yang didatangkan (berasal) dari tempat lain (ex-situ). Kewujudan Taman Herba Papan ini sedikit sebanyak dapat menyebarkan maklumat mengenai fungsi hutan kepada masyarakat.

Dalam tahun 2014, perlaksanaan Projek Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pusat Rawatan Spa telah dijalankan secara kontrak dengan satu matlamat fizikal. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah RM 153, 874.00 (30%) dari peruntukan sebanyak RM510,000.00.



IMBASAN PENGEMBANGAN & INOVASI

AKTIVITI PENGEMBANGAN, LATIHAN DAN KURSUS TAHUN 2014

Bagi aktiviti pengembangan, jabatan turut terlibat dalam penyampaian ceramah perhutanan kepada murid-murid sekolah bersempena penganjuran program-program perhutanan seperti siri Hari Perhutanan Sosial yang diadakan di daerah-daerah. Selain daripada itu, terdapat pengisian motivasi dan kerohanian yang melibatkan kakitangan jabatan ini yang mana mempunyai perkaitan dengan isu perhutanan. Jabatan ini juga julung-julung kali telah berjaya mengadakan Perflandingan Bicara Berirama 'Suara Rimba' yang melibatkan penyertaan para pelajar sekolah menengah di Negeri Perak.

Bagi tahun 2014, sebanyak 17 buah kursus telah berjaya dijalankan di mana 6 daripada merupakan kursus tambahan. Selain itu, Unit Pengembangan dan Inovasi juga telah berjaya mengadakan 7 buah taklimat/bengkel/ceramah kepada kakitangan dan sekaligus menjadikan jumlah kursus, latihan dan taklimat adalah sebanyak 24 buah. Kesemua program yang telah dijalankan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Jumlah yang telah dibelanjakan

meliputi perbelanjaan untuk menjalankan program-program yang telah dirancang dan juga bayaran untuk kursus dan latihan dari luar yang diterima oleh kakitangan dan pegawai jabatan.

CERAMAH PERHUTANAN


Jumlah keseluruhan peruntukan yang berjaya dibelanjakan adalah RM6,650.00. Ceramah-ceramah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada umum tentang kepentingan hutan dan alam sekitar dalam kehidupan serta peranan masyarakat terhadap kelangsungan dirian hutan di negara ini. Selain itu juga, ceramah perhutanan ini juga bertujuan memberi pendedahan dan maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan dalam pengurusan hutan secara berkekalan. Ceramah perhutanan juga adalah medium yang bersesuaian dalam komunikasi dua hala antara masyarakat dan pegawai perhutanan dalam penjelasan berkenaan isu-isu serta perkara-perkara berkaitan dengan perhutanan.

Jadual 5 : Senarai kursus yang telah dijalankan pada tahun 2014

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1	Kursus Pertolongan Cemas Kepada "First- Aider"	27-28 Januari 2014	Dewan Bankuet, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri, Ipoh	21 Orang
2	Kursus Pengecaman Kayu	10-12 Februari 2014	Bahagian Latihan Perhutanan Kepong	5 Orang
3	Kursus GIS Untuk Perhutanan	24-27 Februari 2014	Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Maklumat, JPSM	3 Orang
4	Kursus Pengendalian Bot	3-6 Mac 2014	Pusat Eko-Pelajaran Kuala Sepetang, Taiping	24 Orang
5	Kursus Berkaitan Maklumat Geospatial	6-7 Mac, 19-21 Ogos 2014	Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)	5 Orang
6	Kursus Balai Pemeriksa Hutan (Termasuk Prosedur Taksiran Royalti & Ses Pembangunan Hutan)	18-20 Mac 2014	Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (U)	48 orang
7	Kursus Pemantapan Pengurusan Pasukan Perolehan Biji Benih Dan Bahan Tanaman JPSM 2014	2-6 Jun 2014	Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (U)	4 Orang
8	Kursus Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 (Pindaan 2013) Bil 1/2014	3-5 Jun 2014	Pusat Latihan Perhutanan Terengganu , Terengganu	4 Orang
9	Kursus Pemantapan Perlaksanaan MC & I (Hutan Asli) Ke Arah Pencapaian Zero CARS Kepada Pegawai-Pegawai Hutan Daerah G41 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	24-26 Jun 2014	Pusat Latihan Pembangunan Hutan , Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	5 Orang
10	Kursus Penggunaan Sistem Pemantauan Hutan Menggunakan Remote Sensing (FMRS) 2014	17-18 Julai 2014	Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Maklumat , Ibu Pejabat Perhutanan Kuala Lumpur	5 Orang
11	Kursus Penggunaan GIS dan GPS Dalam Penentuan Dan Semakan Sempadan Luar HSK Bagi Pegawai Gred 11-27 JPSM	12-14 Ogos 2014	Bilik Mesyuarat Pengurusan Maklumat , Ibu Pejabat JPSM	2 Orang
12	Kursus Asas Dendrologi	18 - 21 Ogos 2014	Hutan Lipur Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak	37 Orang
13	Kursus Implementasi ISO	13-17 Oktober 2014	Pusat Pendidikan Pelancongan (Eco Tourism), Pengurusan Hutan Tropika, Hutan Simpan Sungai Menala , Port Dickson	1 Orang
14	Kursus Pemanduan Pacuan Empat Roda (Termasuk Kursus Penyelenggaraan Kenderaan & Kursus Pemanduan Berhemah)	26 - 28 Ogos 2014	Extreme Motosport Park Lembah Gua Tempurung, Gopeng, Perak	28 orang
15	Kursus Pemantapan Perlaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 Dan Standard MC&I (Hutan Asli Kearah Pencapaian ZERO CARs Renjer Hutan JPSM	1-3 Oktober 2014	Hotel Syuen Ipoh , Perak	4 Orang
16	Kursus Latihan Penggunaan Dan Penyelenggaraan Senjata Api JPSM	28 Oktober 2014	Kelab Menembak Pulau Pinang	5 Orang
17	Kursus Pemanduan Beretika JPSM	5 November 2014	Bahagian Latihan Perhutanan Kepong	3 Orang

ARTIKEL 2014

Jabatan Perhutanan Negeri Perak



KEBAKARAN HUTAN

Menurut Peraturan Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka Dan Jerebu, Bahagian Keselamatan Negara, KEBAKARAN HUTAN adalah apa-apa kebakaran yang melibatkan keempat-empat kategori hutan iaitu Hutan Darat Asli, Hutan Paya Gambut, Hutan Paya Laut, dan Ladang Hutan. Status tanah keempat-empat kategori ini adalah terdiri dari Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan atau Tanah Milik. Manakala PEMBAKARAN TERBUKA pula adalah apa-apa kebakaran atau pembakaran yang berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan ke udara bebas melalui cerobong atau serombong. Kebakaran hutan adalah salah satu bencana yang impaknya sangat merugikan. Faktor-faktor penyebab kebakaran iaitu perbuatan manusia dan akibat semulajadi tindakan.

Istilah Kebakaran hutan di dalam Ensiklopedia disebut juga Api Hutan. Api Hutan adalah Api Liar yang terjadi di dalam hutan, yang membakar sebahagian atau seluruh komponen hutan. Terdapat tiga (3) jenis kebakaran hutan yang dikenal pasti seperti berikut:

1. Api Permukaan (*Surface Fire*) atau Kebakaran Permukaan iaitu kebakaran yang terjadi pada lantai hutan dan membakar bahangan bakar yang selalunya terdiri daripada kayu-kayu kering, pokok-pokok tumbang dan tanaman bawah. Sifat api permukaan cepat merebak, nyalaannya besar dan panas, namun cepat padam.
2. Api Silara (*Crown Fire*) atau Kebakaran Silara iaitu kebakaran yang membakar dan merebak dari satu pokok ke pokok besar/tinggi



serta juga pokok-pokok belukar. Kebakaran ini berlaku terutama pada jenis-jenis hutan yang daunnya mudah terbakar. Apabila silara hutan cukup rapat, maka api yang terjadi cepat merebak dari satu silara ke silara yang lain. Hal ini tidak terjadi apabila silara-silara pokok tidak bersentuhan.

3. Api Tanah (*Ground Fire*) adalah api yang membakar lapisan organik atau gambut yang terkumpul di bawah lantai hutan. Oleh kerana sedikit udara dan bahan organik ini, kebakaran yang terjadi tidak ditandai dengan adanya nyala api. Penyebaran api juga sangat lambat, bahan api tertahan dalam waktu yang lama pada suatu tempat.



Nyalaan api terjadi dari gabungan tiga unsur iaitu bahan, udara dan haba. Oleh sebab itu untuk memadamnya gabungan tiga unsur berkenaan perlu dipisahkan. Contohnya sekiranya bahan seperti kayu yang boleh membantu nyalaan dijauhkan dari kawasan terbakar maka api akan terpadam kerana tiadanya bahan untuk dibakar. Udara juga boleh dihalang dari sampai ke tempat kebakaran dengan menutup kawasan kebakaran dengan menggunakan guni basah sekiranya nyalaan adalah kecil dan suhu boleh diturunkan dengan menyiram kawasan nyalaan dengan air. Terdapat beberapa kaedah pemadaman kebakaran iaitu Kaedah Terus (*Direct Attack*), Kaedah Tidak Langsung (*Indirect Attack*), Kaedah Pemisah Api (*Firebreaks*), Kaedah Bakar Balik (*Back Firing*), Kaedah Pam Air (*Water Pump*), Kaedah Pengeboman Air (*Water Bombing*) dan Kaedah Pemadaman Teliti (*Mop-Up*).

Punca-punca berlakunya kebakaran hutan iaitu keadaan cuaca panas, pembakaran terbuka oleh orang awam terutama lalang dan rumput kering, pembuangan puntung rokok merata-rata dan aktiviti pembersihan kawasan dan pembakaran hutan untuk penubuhan ladang dan kebun. Bagi mengatasi kebakaran hutan ini, beberapa langkah pencegahan kebakaran telah dikenalpasti seperti menubuhkan pasukan kebakaran hutan, menyediakan program latihan kepada pasukan kebakaran hutan, menyediakan peralatan memadam kebakaran hutan yang mencukupi, memberikan pendidikan dan kesedaran tentang punca-punca kebakaran dan cara pencegahan serta menjalankan penguatkuasaan.

Pelbagai usaha dilakukan untuk mengawal kebakaran dan ramai anggota yang terlibat. Antara anggota yang terlibat dalam usaha pemadaman kebakaran hutan iaitu, Jabatan Perhutanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Bagi tahun 2014, seluas 331.9 hektar Kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan telah terlibat dengan kebakaran hutan dan dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM 907,123.00. Maklumat keluasan kawasan dan kerugian akibat kebakaran adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Keluasan kawasan dan kerugian akibat kebakaran hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan di Negeri Perak tahun 2014.

BIL	STATUS KAWASAN	KELUASAN (ha)	KERUGIAN (RM)
1.	Hutan Simpanan Kekal	318.3	907,123.00
2.	Tanah Kerajaan	13.6	13,760.00
JUMLAH		331.9	920,883.00

Orang ramai boleh melaporkan kes kebakaran terbuka dan kebakaran hutan kepada Jabatan Bomba dengan menghubungi 999 atau JAS di 1-800-88-2727 serta Jabatan Perhutanan Negeri Perak di talian 05-5288100.



CONFERENCE ON A CENTURY OF MATANG MANGROVE FOREST MANAGEMENT: HARNESSING TRANSFORMATION IDEAS



Kerajaan Negeri Perak melalui usaha Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah menganjurkan persidangan *Perak Conference on a Century of Matang Mangrove Forest Management: Harnessing Transformation Ideas* yang bertempat di Casuarina @ Meru Hotel, Ipoh, Perak. Persidangan ini telah berlangsung selama tiga (3) hari, iaitu bermula pada 24 hingga 26 November 2014 dan telah dirasmikan oleh YABhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5. Seramai 300 orang peserta dari agensi kerajaan, agensi swasta dan delegasi antarabangsa telah menghadiri persidangan tersebut sebagai tanda sokongan kepada Kerajaan Negeri Perak khususnya kepada JPNP yang menjadi agensi terunggul dalam Sistem Pengurusan Hutan Paya Bakau terbaik di Malaysia. Objektif persidangan diadakan adalah untuk mewar-warkan usaha JPNP dalam pembangunan, pemuliharaan dan pengurusan Hutan Paya Bakau. Ia juga diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih meluas kepada pelbagai pihak yang berkepentingan terhadap inisiatif pengurusan kawasan Hutan Paya Bakau terutamanya di Perak.

Pada hari pertama persidangan, sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:-

- I. *Commercial and Non-Commercial Exploitation of The Mangrove Resources: A Case Exemplifying Matang Mangrove Forest Reserve and Its Silvicultural Management*, oleh Profesor Madya Sulong Ibrahim, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- II. *Cetacean Research and a Precautionary Approach in Developing Dolphin-Watching Tourism in The Coastal Waters of The Matang Mangroves*, oleh Cik Kuit Sui Hyang (Vivian), Universiti Malaya (UM).
- III. *The Epiphytes, Mistletoes and Climbers of Mangrove Forests*, oleh Dr. Jean W. H. Yong (John), Singapore University of Design and Technology
- IV. *A Preliminary Record of The Ecological Attributes of The Congregating Fireflies, Pteroptyx Tener (Coleoptera: Lampyridae) in Sepetang River*, Perak, oleh Cik Veronica, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
- V. *Matang Mangroves through the Passage of Time*, oleh Dato' Shahrudin bin Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pada sebelah malamnya pula, majlis diteruskan lagi dengan jamuan makan malam yang turut dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat, peserta-peserta persidangan serta kakitangan JPNP. YB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan turut sudi meluangkan masa dan memberi ucaptama pada malam tersebut. Pada hari kedua pula merupakan sesi lawatan ke Hutan Paya Bakau Matang di Kuala Sepetang, Taiping, Perak. Seramai 100 peserta telah mengikuti lawatan tersebut. Antara tempat yang telah dilawati adalah Pusat Eko-Pelajaran Kuala Sepetang dan Kilang Penghasilan Kayu Arang. Menerusi lawatan ini juga, peserta berpeluang melihat dengan lebih dekat kehadiran ikan lumba-lumba dan kelip-kelip di Pusat Eko-



Pelajaran. Turut dilancarkan adalah program “*5 Million Trees*” yang mana pokok spesies bakau telah ditanam sebagai simbolik majlis pelancaran oleh YABhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Persidangan diteruskan lagi pada hari ketiga dan sebanyak sembilan (9) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:-

- I. *The Application of Remote Sensing to Better Manage Matang Mangrove Forest*, oleh Dr. Kamal Azidi dari Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)
- II. *Is Matang Mangrove Forest in Malaysia Sustainably Rejuvenating After More Than a Century of Conservation and Harvesting Management?*, oleh Dr. Behara Satyanarayana dari Universiti Lebre de Bruxelles, Belgium
- III. *Archaeological Discoveries of 200bc Coastal Settlement in Pulau Kelumpang, Matang, Perak* oleh Prof Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- IV. *Comparing The Malaysian and Australian Governance Frameworks on Mangrove Biodiversity Management: A Way Forward For Malaysia?* oleh Prof Madya Dr. Wan Izatul Asma Wan Taalat, dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- V. *Stakeholder Participations in Managing and Conservation of Mangrove Forests in Sarawak* oleh Hamden M. dan Abang Ahmad A.M., dari Jabatan Hutan Sarawak.

- VI. *Valuing Tangible Forest Products in Matang Mangrove Forest, Perak* oleh Prof. Madya Dr. Zaiton bin Samdin, dari Institute of Tropical Forestry and Forest Products (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- VII. *A Socio-Ecological Assessment and Stakeholder Analysis of Charcoal Production and Trade in Matang Mangrove Forest Reserve, Peninsular Malaysia* oleh Cik Melissa Quispe Zuniga, dari Universiti Lebre De Bruxelles, Belgium.
- VIII. *Community Participation: What We Have Learned From Our Mangrove Projects* oleh Prof. Dr. Shigeyuki Baba, dari International Society for Mangrove Ecosystems, Jepun.
- IX. *A Century of Management and New Challenges in the Management of The Matang Mangroves*, oleh Dr. Hizamri bin Mohd Yasin, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK).

Selain itu, turut diadakan adalah pameran yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan NGO lain seperti JPNPK, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan PERHILITAN, Sahabat Bakau dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



TAMAN NEPENTHES TAMAN RIMBA KLEDANG SAIONG

Taman Nepenthes dibangunkan di dalam Taman Rimba Kledang Saiong (TRKS) Daerah Kinta Manjung pada penghujung tahun 2013 dan siap sepenuhnya pada April 2014. Taman Nepenthes ini menghimpunkan 55 spesies Nepenthes daripada 153 spesies yang telah dikenalpasti di dunia antaranya dari Negara Indonesia, Thailand, Filipina, Sri Lanka dan Myanmar serta 15 spesies hybrid sekaligus merupakan Taman Nepenthes pertama seumpamanya di dunia.

Tergolong dalam Famili Nepenthaceae, Nepenthes, pitcher plants, monkey cup atau lebih dikenali sebagai 'Periuk Kera' di kalangan masyarakat Malaysia adalah tumbuhan karnivor yang hidup melata di kawasan terbuka atau hutan miskin dengan pencahayaan terbatas boleh ditemui di dataran rendah hingga dataran tinggi. Hasil kajian saintifik mencatatkan tanaman ini hanya berada di Kepulauan Madagascar sehingga ke Papua New Guinea dan dari Australia sehingga ke selatan China.

Nepenthes merupakan tanaman yang dilindungi tersenarai dalam CITES (*Convention on International Trade of Endangered Species*) mula dikenalpasti pada tahun 1753 di Sri Lanka spesies N. distillatoria. Sehingga Disember 2013, sebanyak 153 spesies telah dikenalpasti secara saintifik di seluruh dunia dengan 39 spesies daripadanya terdapat di Malaysia.



Mengikut taburan habitat, terdapat 11 spesies (6 endemik) boleh ditemui di Semenanjung Malaysia, 25 spesies (7 endemik) di Sabah dan 26 spesies (8 endemik) di Sarawak.



Nepenthes sangat eksotik dengan hujung daun diubahsuai membentuk kendi di mana secara amnya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kendi bawah dan kendi atas. Kendi bawah, selalunya lebih bulat dan terhasil semasa pokok masih muda dan apabila tanaman meningkat dewasa kebanyakannya akan menghasilkan kendi atas yang lebih berbentuk lonjong dan panjang. Terdapat pelbagai variasi bentuk kendi antaranya bentuk tempayan, bentuk telur, bentuk silinder, bentuk corong dan bentuk pinggang.

Kendi selalunya berwarna terang dan terdapat kelenjar nektar di bahagian penutup dan bibir kendi untuk menarik perhatian mangsanya. Bahagian dalam kendi mengandungi cecair atau enzim yang berfungsi sebagai agen menghadamkan mangsa. Proses pereputan oleh enzim ini akan

menghasilkan nutrien yang membantu proses tumbesaran dan pembiakan tanaman ini.

Nepenthes merupakan tanaman satu jantina yang akan menghasilkan samada bunga jantan atau bunga betina di mana serangga menjadi agen pendebungan. Nepenthes hanya akan berbunga satu atau dua kali dalam masa setahun.

Spesies-spesies yang terdapat di dalam Taman Nepenthes Taman Rimba Kledang Saiong adalah dari kawasan berketinggian antara 0 hingga 1400 meter dari paras laut. Pemilihan Nepenthes dari habitat tanah rendah sehingga sederhana bersesuaian dengan lokasi kawasan.

Dari 55 spesies di Taman Nepenthes, 19 merupakan spesies tempatan antaranya *N.albomarginata*, *N.ampullaria*, *N.benstonei*, *N.bicalcarata*, *N.chaniana*, *N.faizaliana*, *N.fusca* dan *N.rafflesiana*. Manakala 39 spesies lain adalah dari luar Negara antaranya *N.truncata*, *N.treubiana*, *N.suratensis*, *N.rowanae*, *N.neoguineensis*, *N.pervillei*, *N.khasiana* dan *N.robcantleyi*. Secara purata penamaan Nepenthes adalah berdasarkan habitat asal, rupa fizikal dan nama saintis yang menemui Nepenthes tersebut. Selain itu, Taman Nepentes juga menghimpunkan spesies-spesies baru hasil kacukan hybrid antaranya adalah *N.xtrichocarpa*, *N.xsharifah-hapsahii*, *N.xbauensis*, *N.xcoccinea* dan *N.xdyeriana*.

Kewujudan taman ini mampu memberi kepelbagaiaan pilihan kepada masyarakat untuk aktiviti rekreasi dan membuka peluang ke arah penyelidikan. Taman ini bakal dirasmikan pada awal tahun 2015 dan setiap pelawat dikenakan bayaran RM5.00 (dewasa) dan RM 2.00 (kanak-kanak).

HUTAN LIPUR ULU KENAS DAERAH KUALA KANGSAR ANUGERAH PENILAIAN HUTAN LIPUR 2014 TEMPAT PERTAMA



Anugerah Penilaian Hutan Lipur Tahun 2014 adalah cetusan idea Bahagian Forest Eco-Park dan Taman Negeri, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia. Anugerah ini julung-julung kali diadakan bermula tahun 2014. Tujuan utama diadakan Penilaian Kawasan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri adalah bagi memberikan pengelasan 'Star Rating' kepada setiap Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan seperti mana berikut:

- Sumber semulajadi
- Kemudahan awam
- Pengangkutan
- Penginapan dan kemudahan
- Tarikan buatan
- Bekalan dan perhubungan
- Eko-pelancongan
- Inovasi
- Bilangan pengunjung



Berbekalkan landskap semulajadi, susun atur keseluruhan kawasan dan tahap pengurusan yang terbaik telah melayakan Hutan Lipur Ulu Kenas dinobatkan sebagai Hutan Lipur Tempat Pertama Anugerah Penilaian Hutan Lipur Peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk tahun 2014. Pencapaian ini memberi suntikan semangat dan iltizam bagi Jabatan untuk terus mengorak langkah merealisasikan seluruh hutan lipur di Negeri Perak sebagai Pusat Eko-Pelancongan yang menarik dan bermanfaat kepada masyarakat serta memenuhi tuntutan sosial.

Selain itu, kemudahan yang ada di Hutan Lipur ini dapat mendekatkan masyarakat untuk mengenali hutan dan menanam kesedaran mencintai hutan dan terus memelihara alam semulajadi demi kesejahteraan bersama.

Hutan Lipur Ulu Kenas merupakan salah satu hutan lipur yang telah berjaya mencatat peningkatan jumlah pengunjung setiap tahun. Terletak kira-kira 15km dari Bandar Kuala Kangsar, menuju ke Pekan Manong dan kira-kira 40km dari Ipoh. Hutan Lipur Ulu Kenas ini diliputi oleh Hutan Dipterokarpa Bukit dalam Hutan Simpan Bubu di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar.

Keadaan persekitarannya yang asli dan masih terpelihara serta kaya dengan pelbagai flora dan fauna. Sungai Kenas yang mengalir di antara rimbunan pokok Keruing Neram (*Depterocarpus oblongifolia*) yang tumbuh semulajadi menambahkan lagi saujana hijau landskap. Hutan Lipur ini menekankan penyediaan kemudahan yang mesra pengguna, Hutan Lipur Ulu Kenas telah dilengkapi dengan pembinaan chalet, dewan terbuka, surau, tapak perkhemahan dan pondok-pondok rehat menjadikannya sebagai pilihan untuk menjalankan pelbagai program secara berkumpulan oleh badan kerajaan, swasta serta kekeluargaan.



PROGRAM KEMBARA RIMBA BERSAMA YAB MENTERI BESAR PERAK: **PELANCARAN SISTEM AMARAN KEPALA AIR & PROGRAM GOTONG ROYONG HUTAN LIPUR ULU KENAS, KUALA KANGSAR**

Kuala Kangsar, 1 Mac 2014; Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dengan jayanya telah menganjurkan Program Kembara Rimba Bersama Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan: Pelancaran Sistem Amaran Kepala Air dan Program Gotong Royong di Hutan Lipur Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak. Objektif penganjuran program ini adalah sebagai salah satu usaha pihak jabatan untuk meningkatkan tahap keselamatan para pengunjung daripada risiko kenaikan paras air secara mendadak dengan cara memasang sistem amaran kepala air di kesemua 16 hutan lipur yang ada di negeri Perak.

Menteri Besar Negeri Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir berkata, sistem amaran kepala air ini yang akan menggerakkan bungi siren dan nyalaan lampu amaran sekiranya berlaku sebarang kecemasan di kawasan hutan lipur. Walau bagaimanapun, pemasangan sistem ini akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat di mana pemasangan sistem telah dilakukan di 4 hutan lipur bermula pada tahun 2013 iaitu di Hutan Lipur Lata Kinjang, Hutan Lipur Papan, Hutan Lipur Kuala Woh dan Hutan Lipur Ulu Kenas.

Bagi program gotong-royong pula, aktiviti ini bertujuan untuk membersihkan kawasan di sekitar Hutan Lipur Ulu Kenas dan program ini merupakan salah satu usaha mengurangkan risiko penyebaran penyakit bawaan vektor seperti *Leptospirosis* atau lebih dikenali sebagai





penyakit kencing tikus. Turut hadir sama menjayakan program ini adalah Yang Berhormat Mohamad Kamil bin Dato' Shafie, Adun Manong, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Yang Berbahagia Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak.



YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir bersama tetamu kehormat yang lain turut meluangkan masa menyerahkan anak pokok karas kepada ketua-ketua kampung, melepaskan anak ikan, melawat Laman Herba Ulu Kenas dan berpeluang melawat ke kawasan arboretum untuk melihat spesies-spesies pokok dan ekologinya. Selain itu, demonstrasi pertolongan cemas juga dipersembahkan oleh kakitangan JPNPk bersama kakitangan Adventure Resources. Sedikit sebanyak pengetahuan berkaitan dengan cara menyelamatkan mangsa lemas dapat dikongsi bersama.

YAB Dato' Seri DiRaja amat berpuas hati dan berharap Program Kembara Rimba seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan. Dalam ucapan perasmian yang disampaikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja, beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam usaha mengekalkan kelestarian alam semula jadi di Negara ini dengan mengekalkan sistem pengurusan hutan secara mampan selain menambah kira-kira 25,000 hektar kawasan sebagai hutan simpan dan ini merupakan salah satu usaha menyokong hasrat tersebut.





TAPAK SEMAIAN AIR GANDA DAERAH HULU PERAK JOHAN PENGURUSAN TERBAIK TAPAK SEMAIAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2013



Penilaian Pengurusan Tapak Semaian Terbaik di antara tapak semaijan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan pada tahun 2013. Objektif utama penilaian ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan komitmen di kalangan warga perhutanan tentang pentingnya pengurusan tapak semaijan sebagai sumber bekalan bahan tanaman ke arah pemulihhan hutan selaras dengan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.


Kriteria-kriteria penilaian ini terbahagi kepada 5 kriteria utama iaitu infrastruktur dan kemudahan, operasi tapak semaijan, rekod dan laporan, tenaga kerja dan faktor kebersihan dan keselamatan. Pemilihan kriteria-kriteria ini adalah berpandukan kepada panduan penubuhan dan amalan pengurusan tapak semaijan Projek ITTO-Malaysia dan juga Manual Perhutanan Jilid II.

Penilaian berkenaan dijalankan pada bulan September 2013 hingga Mac 2014. Terdapat 15 buah tapak semaijan yang terlibat dalam penilaian ini. Terdapat 2 peringkat penilaian iaitu penilaian pertama pada Ogos hingga November yang melibatkan 15 buah tapak semaijan dan penilaian kedua telah diadakan pada awal tahun 2014 bagi memuktamadkan keputusan tapak semaijan terbaik. Penilaian kedua ini melibatkan 6 buah tapak semaijan yang mempunyai markah tertinggi semasa penilaian pertama iaitu JPN Perak, JPN Kedah, JPN Negeri Sembilan, JPN Selangor, JPN Perlis dan JPN Pahang.





Dengan berbekalkan semangat, kerjasama dan pengurusan tapak semaian yang cekap dan berkesan, Tapak Semaian Air Ganda telah dianugerahkan sebagai Johan Pengurusan Terbaik Tapak Semaian Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2013 mengalahkan 14 buah tapak semaian yang lain. Sijil penganugerahan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Rahim pada tahun 2014.



Tapak Semaian Air Ganda (TSAG) adalah merupakan antara Tapak Semaian yang terawal dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak di mana penubuhannya adalah pada sekitar tahun 1980-an. TSAG ini adalah di bawah seliaan Pentadbiran Hutan Daerah Hulu Perak dan terletak di sebahagian Kompartmen 3, Hutan Simpan Papulut dengan berkeluasan keseluruhan 2.2 hektar.

Tujuan utama penubuhan Tapak Semaian ini adalah untuk menghasilkan anak-anak benih pokok hutan bagi melaksanakan Projek-projek Penghutanan Semula (*Reforestation*), Program Perhutanan Masyarakat, Penyelidikan, Perhutanan Bandar dan Aktiviti-aktiviti Lanskap. TSAG

ini dikawalselia oleh Pejabat Renj Gerik I dari segi pembangunan dan pengurusannya. Kaktangan seramai enam (6) orang ditempatkan di TSAG ini bagi melicinkan pengurusan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan tapak semaian seperti menabung, menyemai anak benih, merumput dan lain-lain tugasan.



Tapak semaian ini boleh menampung kapasiti maksimum anak pokok diantara 60,000 hingga 70,000 anak pokok bergantung kepada keperluan semasa, spesies pokok dan tenaga kerja. Sumber perolehan anak pokok di Tapak Semaian ini adalah secara semaian biji benih dan kutipan anak liar.

TSAG dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti Bangunan Pejabat, Stor Barang, Rumah Menabung, Batas Semaian, Batas Ubah, Mesin Pengisar Tanah dan Sistem Penyiraman Secara Automatik (Sprinkler). Selain itu juga sumber air yang digunakan di TSAG diperolehi dari Sg. Tarom yang mengalir melalui Tapak Semaian ini bagi tujuan melancarkan lagi proses kerja di TSAG. Pelbagai spesies pokok hutan yang terdiri daripada kaum damar dan bukan damar telah di semai di tapak semaian ini sebagai contoh Chengal, Meranti Bukit, Keruing, Gerutu-gerutu, Merawan Siput Jantan, Merbau, Durian dan lain lain spesies.

PERSIJILAN MALAYSIAN STANDARD ISO 9001:2008



Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah dianugerahkan dengan sijil MS ISO 9001:2008 dalam skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal (Menyedia Perkhidmatan Pentadbiran, Rancangan Catuan Tebangan Tahunan, Aktiviti Operasi dan Penguatkuasaan, Pembangunan Hutan dan Pemantauan) bermula pada 03 September 2013 sehingga 02 September 2016. Pengauditan dan penganugerahan tersebut telah dibuat oleh AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd.

Semakan semula pasukan audit bebas oleh AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd telah dilaksanakan pada 30 September 2014. Ia dilaksanakan untuk tujuan pemantauan tahap kepatuhan kepada standard-standard yang telah ditetapkan sepanjang perlaksanaan projek-projek sepanjang tahun 2014. Hasil semakan audit tersebut, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008 dalam skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal dengan memperoleh zero Corrective Action Reports [CAR(s)].

MALAYSIAN CRITERIA AND INDICATOR (MC&I)


Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan Berkekalan standard MC&I (Hutan Asli) di bawah Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS) yang berkuatkuasa dari 1 Jun 2013 hingga 31 Mei 2016 membuktikan aktiviti pengurusan hutan di negeri Perak adalah secara berterusan dan konsisten.

Semakan audit bebas dijalankan setiap tahun dan terbaru pada 27 hingga 31 Oktober 2014, Negeri Perak telah memperoleh zero Non-Conformity Report [NCR(s)]



PROFIL PERHUTANAN

Jabatan Perhutanan Negeri Perak




Jabatan Perhutanan Negeri Perak

PROFIL

Keluasan Berhutan di Negeri Perak

1,022,274.16

Hutan Simpan Kekal	- 995,217.18 ha (97.35%)
Cadangan Hutan Simpan Kekal	- 4,749.58 ha (0.47%)
Tanah Kerajaan & Tanah Milik	- 19,146.60 ha (1.87%)
Rizab Hidupan Liar & Santuari Burung	- 3,161.00 ha (0.31 %)




Keluasan HSK 995,217.18 ha

Pecahan Hutan Simpanan Kekal Mengikut Pentadbir Daerah Hutan:

Daerah	Hutan Darat	Hutan Paya Laut	Jumlah
Hulu Perak	447,948.21	-	447,948.21
Larut & Matang	82,976.88	40,537.60	123,514.48
Kuala Kangsar	210,754.65	-	210,754.65
Kinta / Manjung	96,852.74	1,079.15	97,931.89
Perak Selatan	115,067.95	-	115,067.95
Jumlah	953,600.43	41,616.75	995,217.18


Pengkelasan Hutan

Pengeluaran	- 520,742.17 ha (52.23%)
Perlindungan	- 474,475.01 ha (47.68%)



Pecahan hutan mengikut jenis

Hutan Darat	- 951,483.88 ha (95.61%)
Hutan Paya Laut	- 41,616.75 ha (4.18%)
Ladang Hutan	- 2,116.55 ha (0.21%)




PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK
Keluasan Tanah (ha) 448,979.18

Tanah Berhutan (ha) 447,948.21

Tanah Tidak Berhutan (ha) 4,067.00

Sumber Hutan

- Hutan Simpanan Kekal 447,948.21

- Jenis Hutan (ha)

- Hutan Darat 447,948.21

- Keluasan Yang Dikeluarkan Untuk Pengusahaan 3,518.00

Pengeluaran (m³)

- KayuBalak (m³) 103,461.00
- Hasil Hutan lain -

Industri Hutan

- Bilangan

- Kilang Papan 11
- Kilang Papan Lapis/Venir 1
- Kilang Kayu Kumai -

- Penggunaan Kayu (m³)

- Kilang Papan 65,376.51
- Kilang Papan Lapis/Venir -
- Kilang kayu Kumai -

- Pengeluaran (m³)

- Kayu Gergaji 80,689.16
- Papan Lapis -
- Kayu Kumai -

- Bilangan Pekerja (Kilang papan)

- Bumiputra 778 orang
- Bukan Bumiputra 301 orang
- Bukan Warganegara 513 orang

Jumlah 1592 orang

Bil	Nama Hutan Simpan	No. Warta	Tarikh Warta	Luas Warta (ha)	Keluasan Terkini (ha)
1.	Papulut	2423	4.5.1923	11,671.90	11,540.71
2.	Belum	582	29.3.2012	117,500.00	117,500.00
3.	Banding	581	29.3.2012	16,667.00	16,667.00
4.	Padang Chong	2997	9.10.1914	1,266.10	1,044.10
5.	Lepang Nenering	2578	28.8.1914	3,808.00	3,808.00
6.	Bintang Hijau	960	20.2.1925	57,432.96	52,439.97
7.	Belukar Semang	917	4.7.1991	9,074.00	7,998.01
8.	Air Cepam	182	27.2.1992	23,092.00	23,024.22
9.	Gerik	1379	10.10.1991	37,220.00	37,220.00
10.	Gunung Lang	805	6.6.1991	1,419.00	1,419.00
11.	Sungai Kuak	1340	7.12.1989	1,499.00	932.00
12.	Kenderong	6619	1.8.1991	6,619.20	6,619.20
13.	Temengor	1378	10.10.1991	148,870.00	148,870.00
14.	Amanjaya	786	9.5.2013	18,866.00	18,866.00
JUMLAH BESAR				447,948.21	


PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

Keluasan Tanah (ha)	358,617.00
Tanah Berhutan (ha)	222,767.18
Tanah Tidak Berhutan (ha)	135,849.82
Sumber Hutan	
• Hutan Simpanan Kekal (ha)	210,754.65
• Jenis Hutan (ha) - Hutan Darat	210,754.65
• Jenis Hutan (ha) - Hutan PayaLaut	0
• Keluasan yang dikeluarkan untuk Pengusahaan	5,472.00 ha
• Pengeluaran - Kayu Balak (m³)	198,381.24
• Pengeluaran - Hasil Hutan lain	
• Pengeluaran - Buluh & Rotan	123,500

Industri Hutan

• Bilangan	
- Kilang Papan	15
- Kilang Papan Lapis/Venir	0
- Kilang Kayu Kumai	0
• Penggunaan Kayu (m³)	
- Kilang Papan	108,508.85
- Kilang Papan Lapis/Venir	0
- Kilang Kayu Kumai	0
• Pengeluaran	
- Kilang Gergaji	74,641.40
- Kilang Papan Lapis/Venir	0
- Kilang Kayu Kumai	0
• Bilangan Pekerja (Kilang papan)	
- Bumiputra	166 orang
- Bukan Bumiputra	110 orang
- Bukan Warganegara	110 orang
Jumlah	386 orang

Bil	Daerah	No. Warta	Tarikh Warta	Luas Warta (ha)	Keluasan Terkini (ha)
1.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	18,737	16,896.70
2.	Bubu	547	11.02.1921	18,195	18,150.93
3.	Piah	164	29.01.1915	75,219	72,089.26
4.	Bukit Payong	5624	14.09.1928	356	208.85
5.	Korbu	772	31.01.1931	87,146	85,113.90
6.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	10,937	10,244.21
7.	Bukit Larut	100	21.01.1910	8,051	8,050.80
JUMLAH				218,641	210,754.65



PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

Keluasan Tanah (ha)	370,232.00
Tanah Berhutan	129,895.00
Tanah Tidak Berhutan	240,337.00

Sumber Hutan

- Hutan Simpanan Kekal
(ha) 123,514.48
- Jenis Hutan (ha)
 - Hutan Darat 82,976.88
 - Hutan Paya Laut 40,537.60
- Keluasan Yang Dikeluarkan Untuk Pengusahaan (Darat) (ha) 1255.31
 - Hutan Simpan (11 Lesen Tahun 2014) 853.80 ha
 - Tanah Kerajaan -
 - Tanah Milik (1 Lesen Tahun 2014) 23.6874
- Pengeluaran
 - Kayu Balak (m³) 19,506.43
 - Hutan Simpan -
 - Tanah Kerajaan -
 - Tanah Milik 473.84

(Maklumat sehingga bulan Disember 2014 sahaja)

- Hasil Hutan lain
 - i. Kup Kayu Jaras (KKJ) = RM 489,063.28
 - ii. Kup Arang Kayu (KAK) = RM 747,792.36
- (Maklumat sehingga bulan Disember 2014 sahaja)

Industri Hutan

- Bilangan
 - Kilang Papan (sedang beroperasi) 11
 - (tidak beroperasi) 4
 - Kilang Papan Lapis/Venir 1
 - (tidak beroperasi-mahu batal lesen)
 - Kilang Kayu Kumai -
- Penggunaan Kayu (m³)
 - Kilang Papan 30,947.29
 - Kilang Papan Lapis/Venir -
